



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

25 - 27 APRIL 2026 (SABTU - ISNIN)

Larva Lalat Askar Hitam Alternatif Sumber Protein Makanan Ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	16	27 April

Larva lalat askar hitam alternatif sumber protein makanan ayam

Kuala Lumpur: Industri ternakan ayam negara dilihat masih terlalu bergantung kepada sumber makanan import, sekali gus mendedahkannya kepada risiko ketidaktentuan pasaran global termasuk kenaikan harga dan gangguan bekalan.

Kebergantungan tinggi terhadap jagung bijirin dan kacang soya itu bukan sahaja menekan kos pengeluaran, malah menjadikan rantaian bekalan makanan negara lebih rapuh ketika berdepan krisis antarabangsa.

Pakar pemakanan haiwan, Prof Dr Hasliza Abu Hassim, berkata Malaysia pada masa ini belum mempunyai pengeluaran jagung dan soya tempatan yang signifikan, menyebabkan industri berkenaan terus bergantung kepada import.

"Malaysia juga pada asasnya tidak mempunyai pengeluaran jagung dan kacang soya tempatan

yang signifikan maka kebergantungan kepada bahan makanan import kekal tinggi. Implikasinya, kos pengeluaran ayam negara sangat sensitif kepada harga pasaran global.

"Ini termasuk turun naik kadar pertukaran mata wang dan gangguan rantaian bekalan antarabangsa. Disebabkan itu, setiap kali berlaku ketidaktentuan geopolitik atau kenaikan harga komoditi dunia, industri ayam tempatan akan menerima kesan secara langsung," katanya.

Hasliza yang juga Timbalan Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata bagi tempoh 2025/2026, import jagung Malaysia diunjurkan

mencecah sekitar 3.8 juta tan, manakala penggunaan soya pula dianggarkan 1.69 juta tan, dengan sektor ternakan ayam sebagai pengguna utama.

Sehubungan itu, beliau menegaskan keperluan mendesak untuk meneroka sumber alternatif yang lebih mampan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bahan makanan ternakan import.

Antara yang dilihat berpotensi ialah penggunaan larva lalat askar hitam atau *black soldier fly larvae* (BSFL) sebagai sumber protein alternatif.

Kajian terdahulu menunjukkan BSFL boleh digunakan dalam diet ayam pedaging dan ayam kampung tanpa menjejaskan prestasi, malah menyokong per-

tumbuhan, status metabolik serta kesihatan ternakan.

"BSFL mengandungi protein tinggi antara 30 hingga 45 peratus dan berpotensi mengurangkan kebergantungan kepada soya yang diimport," katanya.

Selain BSFL, beberapa bahan lain seperti dedak isirung sawit, dedak padi dan beras hancur turut pernah digunakan, namun belum meluas berikutan kekangan dari segi kualiti, variasi nutrien dan pencernaan.

Mengulas lanjut, Hasliza berkata BSFL juga mempunyai kelebihan dari segi kitaran pengeluaran yang cepat, iaitu antara 10 hingga 21 hari bergantung kepada persekitaran penternakan.

"Larva ini boleh diternak menggunakan sisa makanan atau hampas pertanian, sekali gus menyokong amalan ekonomi kitaran dan sifar sisa," katanya.

Namun, beliau berkata pengem-

angan BSFL pada skala komersial memerlukan pengurusan teliti, termasuk aspek biosekuriti, kawalan suhu dan kelembapan serta pengendalian selepas tuaian.

Sementara itu bagi pemain industri, mereka mula mengambil inisiatif mengurangkan kebergantungan kepada makanan import melalui pendekatan alternatif.

Nuralis Agro Sdn Bhd, misalnya, mengumpul lebihan makanan dari kantin sekolah berasrama dan pasar untuk dijadikan makanan tambahan ternakan.

Penyelia ladangnya, Khairulhadzri Mohamad Zain, berkata pihaknya mampu mengumpul antara 20 hingga 30 kilogram sisa makanan setiap hari, termasuk nasi, sayur-sayuran dan buah-buahan yang masih elok.


"Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan kos, malah membantu mengurangkan pembaziran makanan," katanya. BERNAMA



Dr Hasliza Abu Hassim

Selangor Vet Dept Looking For Man Who Hurled Dog Against Wall

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Nation	Dalam Talian	25 April



A video clip shared on social media showed the man carrying the poodle before flinging it against the wall.

PETALING JAYA: The Selangor veterinary services department (DVS) is tracking down a man suspected of abusing a dog at a residence in Seri Kembangan, following the circulation of a video clip that has gone viral on social media.

The department confirmed receiving public complaints on the matter and said action had been taken by a team of animal welfare officers.

“Efforts to track down the suspect are ongoing,” it said

in a statement.

The department said it conducted checks on the dog, a brown male poodle, on Wednesday. The case is being investigated under Section 29(1) of the Animal Welfare Act 2015.

It urged those with information to contact Selangor DVS or senior investigating officer Shuaib Anuar at 013-4321512 to assist in investigations.

The video clip dated April 22

showed a man carrying the poodle before flinging it against the wall.

It is understood that the dog suffered injuries to its front right leg.

On April 22, Malaysiakini reported an animal rescuer urging authorities to take action against the alleged abuser, noting that multiple police reports and complaints had been lodged.

A separate video, dated April 14, also resurfaced, showing the poodle whimpering and limping as it runs away from a man and hides under a table in a house.-[FMT](#)

Op Taring Chiller: Simpan Karkas Simpan Sembelihan Tidak Sah, 7 ditahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Mutakhir	Dalam Talian	24 April



Antara rampasan dalam Ops Taring Chiller membabitkan 22 karkas daging babi sejuk beku di sebuah premis di Skudai, Johor, hari ini. FOTO Ihsan PDRM

Skudai: Seramai tujuh individu termasuk enam lelaki warga Nepal dan seorang wanita tempatan ditahan pihak berkuasa selepas disyaki menyimpan karkas daging babi tanpa kelulusan penyembelihan sah di sebuah premis makanan sejuk beku di Kawasan Perindustrian Selaran, di sini, hari ini.

Melalui Op Taring Chiller pada jam 10.30 pagi itu, serbuan dijalankan oleh sepasukan pegawai Cawangan Wildlife Crime

Bureau/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman bersama Jabatan Veterinar.

Komander WCB/PSK KDNKA Bukit Aman, Datuk Mohd Zaki Ashar berkata, operasi bersepadu itu melibatkan pegawai dari Jabatan Veterinar Putrajaya dan Johor.

Menurutnya, pemeriksaan di premis berkenaan menemukan sejumlah karkas

daging babi sejuk beku yang memiliki dokumen penyembelihan meragukan.

"Kesemua daging itu disyaki tidak disembelih di rumah sembelih yang diluluskan atau dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Perkara ini merupakan kesalahan di bawah Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, sebanyak 22 karkas daging babi dengan anggaran berat 1,058 kilogram (kg) dirampas dalam operasi tersebut.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM63,486," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Zaki berkata, pihaknya turut menahan tujuh individu termasuk enam lelaki warga Nepal dan seorang wanita tempatan yang juga pemilik premis.

"Kesemua warga Nepal itu ditahan atas kesalahan menyalahgunakan atau melanggar syarat pas di bawah Peraturan 39(b), Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

"Pemilik premis pula ditahan kerana menggajikan pekerja

asing dan akan diambil tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, kes turut disiasat di bawah Seksyen 6(1)(c) dan Seksyen 39B Akta Imigresen 1959/63.

"Semua tangkapan diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Utara untuk tindakan lanjut.

"Manakala kes berkaitan pelanggaran peraturan penyembelihan diambil tindakan oleh Jabatan Veterinar mengikut peruntukan sedia ada," katanya.-[HARIANMETRO](#)

Stor Sejuk Beku diserbu, Karkas Daging Babi dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Dalam Talian	24 April



Pemeriksaan di premis berkenaan menemukan sejumlah karkas daging babi sejuk beku yang memiliki dokumen penyembelihan meragukan.

JOHOR BAHRU – Sebuah premis penyimpanan makanan sejuk beku di Skudai digempur pihak berkuasa dalam Op Taring Chiller pada Jumaat selepas disyaki menyimpan karkas daging babi tanpa kelulusan penyembelihan sah.

Serbuan kira-kira jam 10.30 pagi itu dijalankan sepasukan pegawai dari Cawangan Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam

(JKDNKA) Bukit Aman bersama Jabatan Veterinar.

Komander WCB/PSK KDNKA Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Datuk Mohd Zaki Ashar berkata, operasi bersepadu itu melibatkan pegawai dari Veterinar Putrajaya dan Johor.

Menurutnya, pemeriksaan di premis berkenaan menemukan sejumlah karkas daging babi sejuk beku yang memiliki dokumen penyembelihan meragukan.

"Kesemua daging itu disyaki tidak disembelih di rumah sembelih yang diluluskan atau dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Perkara ini merupakan satu kesalahan di bawah Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penjualan) 2009," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, sebanyak 22 karkas daging babi dengan anggaran berat 1,058.1 kilogram dirampas dalam operasi tersebut.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM63,486," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Zaki berkata, pihaknya turut menahan tujuh individu termasuk enam lelaki warga Nepal dan seorang wanita tempatan yang juga pemilik premis.

"Kesemua warga Nepal itu ditahan atas kesalahan menyalahgunakan atau melanggar syarat pas di bawah Peraturan 39(b), Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

"Pemilik premis pula ditahan kerana menggajikan pekerja asing dan akan diambil tindakan lanjut," katanya.

Tambah beliau, kes turut

disiasat di bawah Seksyen 6(1)(c) dan Seksyen 39B Akta Imigresen 1959/63.

"Semua tangkapan diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara untuk tindakan lanjut.

"Manakala kes berkaitan pelanggaran peraturan penjualan diambil tindakan oleh Jabatan Veterinar mengikut peruntukan sedia ada," katanya.-[SINARHARIAN](#)

Children In Cat Abuse Case Escape Punishment, Case Classified As NFA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TRP	Malaysia	Dalam Talian	24 April



Two children aged 4 and 8 in Terengganu who were caught on camera abusing a cat will receive no punishment as the case has been classified NFA (no further action).

Terengganu Veterinary Services Department (DVS) director, Dr Anun Man, said the public prosecutor's office reached this decision because the children are under 10 years old.

Under Section 82 of the Penal Code, children under 10 years of age have not reached the age of criminal liability.

According to the media statement, DVS had called upon the parents, grandparents, and the individual who recorded the animal abuse incident during the investigation.

Despite the NFA verdict, the veterinary department has reprimanded and advised the family to ensure there will be no repeat of the incident.

DVS emphasised that the care for animal welfare is everyone's responsibility. All parents are advised to educate their children to care about animals.

Last month, the two children were filmed abusing a cat in Terengganu. One of them pulled a rope tied around the cat's neck while the other kicked and hit the cat's head with a slipper.

The case drew anger from the public, with many asking for the children to be appropriately punished. Despite the mother's apology, some found it hard to forgive the children for what they had done.-TRP

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR